

Latihan 1

Arahan: Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. _____ itu bertungkus lumus mengerjakan sawahnya.
 - A) Peniaga
 - B) Penjaja
 - C) Petani
 - D) Nelayan
2. Beberapa ekor _____ bergayut pada sebatang pokok.
 - A) lipas
 - B) kera
 - C) beruang
 - D) tenggiling
3. Murid-murid sedang bersenam di _____.
 - A) pawagam
 - B) kilang
 - C) perputakaan
 - D) padang
4. _____ baju Shazali tertanggal pada pagi tadi.
 - A) Suis
 - B) Kocek
 - C) Skru
 - D) Butang
5. Tumbuhan itu mempunyai _____ yang tajam.
 - A) duri
 - B) bunga
 - C) akar
 - D) kelopak

6. Pavidran telah membeli sebuah _____ di pameran komputer itu.

- A) pencetak
- B) computer
- C) tetikus
- D) disket

7. Beribu-ribu batang pokok getah ditanam di _____ itu.

- A) ladang
- B) paya
- C) kolam
- D) tasik

8. _____ itu telah mengadakan perbicaraan tersebut tanpa berat sebelah.

- A) peguam
- B) pengawal
- C) hakim
- D) pegawai

9. Wanita tua itu menuntun _____ di tepi jalan raya.

- A) kereta api
- B) kapal
- C) kereta
- D) basikal

10. _____ peliharaan Pak Seman meragut rumput di padang yang luas.

- A) zirafah
- B) itik
- C) kambing
- D) ayam

11. Kasut sukan berjenama _____ dijual dengan harga yang berpatutan.

- A) Taman Ehsan
- B) Singapura
- C) Kamus Sari
- D) Niko

12. Perlawanan persahabatan itu akan dijalankan di _____.

- A) Stadium Bukit Jalil
- B) Jalan Maharaja
- C) Restoran Maju
- D) Tasik Bera

13. Pak Cik Borhan menggunakan _____ yang baru dibelinya untuk menggemburkan tanah.

- A) gergaji
- B) gunting
- C) penukul
- D) cangkul

14. Kakak Fazi menggunakan _____ untuk mencedok sup yang dimasak tadi.

- A) senduk
- B) gelas
- C) garpu
- D) pisau

15. Alam persekolahan adik bermula di _____.

- A) Bank Jaya
- B) Tadika Gembira
- C) Dewan Perdana
- D) Stesen Kuala Lumpur

Latihan 2

Arahan: Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

jurucara	peragawati	prakata	dwibahasa	prasekolah
usahawan	mahasiswa	tataetika	jurutera	biduanita

1. Abang Zamri merupakan _____ di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Kerajaan akan mengkaji pendidikan _____ bagi kanak-kanak yang berumur lima tahun mulai tahun hadapan.
3. Borhan meminta bapanya membelikannya sebuah kamus _____.
4. _____majlis malam kebudayaan mempersilakan Yang Berhormat Menteri Besar merasmikan majlis.
5. Para penonton menari mengikut rentak muzik apabila _____ popular itu menyanyikan sebuah lagu yang mempesonakan.
6. Tuan Haji Kamaruzaman diminta menulis _____ bagi buku terbitan Doktor Basri yang berjudul "Penyakit Jantung".
7. Setiap warganegara perlu memelihara _____ yang baik demi menjaga imej negara.
8. Bangunan yang canggih itu dibina oleh pekerja-pekerja mahir di bawah pengawasan _____ tempatan yang bertauliah.
9. Beberapa orang _____yang ayu sedang menggayakan baju kurung rekaan Encik Morhan.
10. Encik Foong merupakan _____ yang bergiat dalam bidang perniagaan makanan dan minuman.